

05 OCT 1998

Ghaffar-pemimpin

UMNO TIDAK PERNAH KETANDUSAN PEMIMPIN, KATA GHAFAR BABA

JELI, 5 Okt (Bernama) -- Sejak negara mencapai kemerdekaan Umno tidak pernah menghadapi masalah ketandusan pemimpin khususnya untuk menerajui kepimpinan negara, kata Tun Ghafar Baba hari ini.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata Umno yang menjadi tunjang pemerintahan negara ini sejak dahulu lagi telah melahirkan ramai pemimpin berbakat

Umno masih meneruskan kecemerlangannya melahirkan pemimpin yang mampu digilap sebagai pemimpin utama termasuk bakal Perdana Menteri sekiranya perlu, katanya.

"Manusia belum dicuba belum tahu malahan dalam Umno sekarang khususnya di kalangan anggota Majlis Tertinggi dan Naib Presiden pun ada," katanya kepada pemberita selepas berucap pada majlis penerangan kegawatan ekonomi di Kampung Air Lanas, dekat sini malam tadi.

Beliau berkata bagaimanapun dalam keadaan kegawatan ekonomi dan politik semasa, isu untuk menggantikan kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu dibangkitkan kerana kerajaan sekarang telah menunjukkan kecemerlangan dan kebijaksanaan menangani masalah.

"Kita tidak perlu terburu-buru mengganti pemimpin malahan lebih baik Dr Mahathir sambung jawatannya dan sambil itu perlahan-lahan mencari pengganti," katanya.

"Jadi kita tidak perlu tergopoh-gapah, esok terpilih orang yang tidak sesuai dengan kehendak Malaysia rugi kita," katanya..

Beliau berkata pemilihan pengganti Perdana Menteri biasanya dibuat melalui dua cara iaitu ditetapkan sendiri oleh Perdana Menteri atau dibuat atas nasihat MT Umno.

Mengenai bakal calon yang paling layak menggantikan Dr Mahathir, Ghaffar yang juga Pengerusi kelab Veteran Umno berkata beliau lebih suka kepada calon muda.

"Dalam politik tidak kira tua atau muda tetapi saya lebih suka orang muda yang bertenaga sebab dia boleh kerja lebih kuat," katanya.

Beliau berkata selain itu kriteria utama yang perlu ada sebagai Perdana Menteri ialah mendapat sokongan daripada pelbagai kaum dan bukan Umno sahaja kerana Malaysia terdiri negara yang berbilang kaum.

-- BERNAMA

RAR WAT